

1775 PEMANDU/ DREBAR

1775 PEMANDU/ DREBAR

WOH HUP (PRIVATE) LIMITED
BUILDING WITH INTEGRITY

PERSONAL DRIVER

Duty and Responsibility:

- > Personal Driver to Director and family
- > Attend to Director's request on all transportation needs
- > Valid Class 3 license with clean record
- > Familiar with Singapore roads
- > Willing to work overtime on weekends, public holidays and after standard working hours
- > Any other work assigned

Please call-in at 9022 5278, from 23 - 24 Jan (Mon - Tues), 9am to 12pm, walk-in from 23 - 24 Jan (Mon - Tues) 3pm - 5pm if you are interested.
217 Upper Bukit Timah Road, Woh Hup Building, Singapore 588185
Nearest MRT Station: Beauty World

Jurong Oil Factory requires:

FORKLIFT \$70
PACKER \$60

- ✓ With P.S.A Certificate
- ✓ Jurong area preferred

1 Soon Lee Street #02-02
Pioneer Centre, S(627605)

1783 JAWATAN SAMBILAN/ SEMENTARA

BEDOK MALE/ FEMALE Packer
8-5.30pm \$60. 3-11pm \$52.
10-7am \$56. Call 9009-1844.

1789 LAIN-LAIN JAWATAN

ESSO PETROL STATION
@ Macpherson Rd
requires

Full/ Part-time

1) Cashiers
2) Pump Attendants

Singaporeans only.
Interested call
9788-5581 Mr Tan

Beberapa Tajaka memerlukan

- 1) Tukang Kebun
- 2) Tukang Masak/ Pembantu Tukang Masak
- 3) Pembersih
- 4) Pembantu Maintenance *Makanan*

Tel 8668-2549

DRIVER SAMBILAN (MALAM)
kawasan North-East. Sila hubungi 96494459/91161674

MEMERLUKAN BAS ATTENDANT utk sekolah Jurong West area/NTI. Om 9770 5894

CAR WASHER NEEDED. \$80 daily pay. Start work immed. Call Ivan 8116-8411.

TEMPAH IKLAN KEMATIAN
SECARA ONLINE
www.sphobit.com.sg

Untuk pertanyaan, sila hubungi
6319 5192
untuk bercakap dengan wakil kami.
Berita Harian • Berita Minggu
KLASSIFIED
MEREKLI • MENJUAL • MENYARI

Pengumuman Kematian

Kami bersedia membantu anda.

Untuk membantu kami memproses iklan pengumuman anda dengan cepat, sila bawa bersama anda:

- Gambar arwah (300 dpi).
- Sijil Kematian.
- Kad Pengenalan orang yang menempah iklan.
- Butir-butir untuk iklan pengumuman anda, termasuk senarai nama ahli keluarga serta butir pengebumian.

UNTUK MENEMPAH IKLAN

Klassified Hotline

Hubungi : 1800-289-9988
Isnin - Jumaat : 8.30pg hingga 5ptg
Sabtu, Ahad, Cuti Umum :
12.30tgh hari hingga 5ptg
Tiada Juruwang selepas 5ptg, bayaran selepas 5ptg hanya menggunakan kad kredit, NETS atau cek.

Kaunter Servis

News Centre, 1000 Toa Payoh North, S(318994)
Isnin - Jumaat : 8.30pg hingga 5ptg
Sabtu, Ahad, Cuti Umum :
12.30tgh hari hingga 5ptg
Tiada Juruwang selepas 5ptg, bayaran selepas 5ptg hanya menggunakan kad kredit, NETS atau cek.
Tempahan selepas 5ptg untuk iklan esok hari, bergantung pada terdapatnya ruang iklan yang kosong.

Berita Harian • Berita Minggu
KLASSIFIED

Berita

Tiada kes 'methamphetamine berperisa strawberi' di sini: CNB

BIRO Narkotik Pusat (CNB) telah menjelaskan bahawa ia tidak menemui methamphetamine berperisa strawberi di Singapura.

Laporan dalam talian baru-baru ini mengenai methamphetamine berperisa strawberi baru yang disasarkan kepada golongan muda telah diedarkan di media sosial.

Dadah itu dikenali sebagai "strawber-

ry quick" dan kelihatan seperti batu pop (Pop Rocks) - sejenis gula-gula yang mendesis di dalam mulut, kata laporan itu.

Ibu bapa telah mengongsi nasihat terhadap dadah itu, yang juga dikatakan beredar di sekolah, bulan ini.

"Kami ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa nasihat tentang 'strawberry quick' tidak datang daripada

CNB," kata biro itu.

"CNB tidak menemui sebarang kes methamphetamine berperisa strawberi di Singapura pada tahun-tahun kebelakangan ini," tambahnya.

Bagaimanapun, CNB menggesa ibu bapa agar mengingatkan anak mereka bahawa dadah adalah berbahaya.

"Pengedar akan cuba menyembunyi-

jadikannya kelihatan seperti gula-gula atau bahan makanan.

"Jika anda menemui bahan-bahan sedemikian atau jualan dadah, sila hubungi CNB dan kami akan meneliti perkara itu," kata CNB.

Orang ramai boleh menghubungi talian 1800-325-6666 (24 jam) atau e-mel kepada CNB_Feedback@cnb.gov.sg.

MDIS disenarai institusi pendidikan ke-15 terbaik di Singapura

INSTITUT Pembangunan Pengurusan Singapura (MDIS) telah disenarai sebagai institusi pendidikan ke-15 yang terbaik di Singapura oleh ranking universiti dunia, Webometrics - menjadikannya salah sebuah institusi pendidikan swasta terbaik di negara ini.

Universiti Nasional Singapura (NUS) berada di tempat pertama diikuti Universiti Teknologi Nanyang (NTU) dan Universiti Pengurusan Singapura (SMU).

Universiti Teknologi dan Reka Bentuk Singapura (SUTD) berada di kedudukan keempat, manakala Politeknik Ngee Ann di ranking kelima dan Politeknik Singapura di tangga keenam.

Mengulas mengenai ranking terkini itu, Setiausaha Agung MDIS, Dr R Theyvendran, berkata:

"Kami amat berbesar hati disenarai sebagai salah sebuah institusi pendidikan swasta terkemuka di Singapura.

"Sejak 60 tahun lalu, MDIS telah berkembang kukuh dari masa ke masa dan pada masa ini kami mempunyai lebih 13,000 pelajar."

Menurut beliau, para pelajar institusinya datang daripada lebih 80 negara.

MDIS telah diterima baik dengan ada dalam kalangan pelajarannya terdiri daripada anak orang kenamaan, termasuk anak perempuan Presiden pertama Singapura, Allahyarham Yusof Ishak; anak perempuan Presiden Zimbabwe Robert Gabriel Mugabe; dan anak Presiden Indonesia Joko Widodo.

"Kami akan terus bekerjasama dengan universiti terkenal dengan menawarkan program di peringkat global yang diiktiraf bagi pelajar kami.

"Kami berharap dapat mengembangkan kampus kami di Tashkent dan membuka jenama kampus baru di EduCity @ Iskandar di Malaysia. Terdapat juga rancangan meneroka peluang di Sri Lanka dan Filipina," ujar Dr Theyvendran.

MDIS menawarkan kursus yang diiktiraf di peringkat antarabangsa daripada universiti yang diiktiraf di peringkat global seperti di Perancis, Britain dan Amerika Syarikat.

Institut yang ditubuhkan pada 1956 itu telah mendapat pensijilan EduTrust pada 2010, yang merupakan skim jaminan mutu dan pada 2015 menerima Anugerah Enterprise 50.

Webometrics pula merupakan sistem ranking yang terdapat di laman web Jawatankuasa bagi Pendidikan Swasta (CPE).

Ia menyediakan senarai sistem pendidikan di peringkat global, dan dengan itu membolehkan pelajar memutuskan antara institusi pendidikan Pengajian Tinggi pilihan mereka.

Kedudukan institusi dalam senarainya dikesmas kini dua kali setahun pada Januari dan Julai.

Penilaian dibuat berdasarkan komitmen universiti terhadap pengajaran, hasil penyelidikan, prestij antarabangsa, rangkaian dengan komuniti termasuk industri dan ekonomi.



METERAI KERJASAMA: (Duduk dari kiri) Encik Choo dan Cik Lee menandatangani MOU pada 16 Januari lalu, sambil disaksikan (berdiri, dari kiri) pengerusi SCCC Encik Chua Thian Poh dan timbalan CEO SPH Encik Anthony Tan. - Foto SPH

Kerjasama pusat kebudayaan dan akhbar beri suntikan kepada budaya Cina

PUSAT Kebudayaan Cina Singapura (SCCC) dan Kumpulan Media Cina di Singapore Press Holdings (SPH) telah menjalin kerjasama untuk membangun dan meningkatkan bidang kebudayaan dalam masyarakat Cina di Singapura.

Satu memorandum persefahaman (MOU) telah ditandatangani awal minggu ini oleh Ketua Pegawai Eksekutif SCCC, Encik Choo Thiam Siew, dan ketua Kumpulan Media Cina di SPH, Cik Lee Huay Leng.

Ini akan membolehkan *Lianhe Zaobao*, akhbar utama Cina SPH, mengemukakan siri kegiatan budaya di SCCC di bawah naungan Ruang Kebudayaan dan Kreatif Zaobao.

Lianhe Zaobao akan mengemukakan dan menguar-uarkan kegiatannya, manakala SCCC akan menyediakan tempat dan khidmat lain di lokasi.

Sekurang-kurangnya 12 acara akan dianjurkan setiap tahun sebagai sebahagian daripada Ruang Kebudayaan dan Kreatif Zaobao.

Ini terdiri daripada ceramah mengenai penghayatan budaya, kelab membaca, dan sesi Teh 'zbNow' untuk berinteraksi dengan kolumnis *Lianhe Zaobao*.

Pada 25 Februari ini, siri tersebut akan dimulakan dengan sesi pertama

'Makmal Pencipta', satu siri yang mengundang usahawan daripada industri kreatif berkongsi pengalaman mereka dengan orang ramai.

Cik Lee berkata: "Kami mengalu-alukan pelancaran Ruang Kebudayaan dan Kreatif Zaobao, yang membangun sekitaran dan suasana menarik kepada pembaca mengalami acara kebudayaan terkemuka."

Encik Choo pula berkata kerjasama tersebut satu kemajuan bagi pusat itu, yang secara beransur-ansur akan menjalin kerjasama strategik dengan pertubuhan lain untuk menggalak dan membangunkan budaya Cina.

Kenali pelbagai ragam berkaitan ayam di pameran

TAHUKAH anda bahawa ayam digunakan bukan hanya untuk memasak, malah mempunyai fungsi lain dalam banyak budaya di seluruh dunia?

Misalnya, ia sering dijadikan korban pelbagai masalah - daripada tuai yang tidak memuaskan hinggalah penyakit yang dihadapi.

Terdapat budaya dan agama yang menggunakan ayam untuk dikorbankan sebagai salah satu cara meminta hajat mereka diperkenankan.

Sempena Tahun Ayam menurut kalendar Cina, Muzium Filatelik Singapura (SPM) mengajak orang ramai mempelajari lebih banyak tentang haiwan tersebut.

Pameran mesra keluarga dari 20 Janu-



AYAM ATAU TELUR?: Satu pameran berkaitan ayam diadakan di Muzium Filatelik Singapura sempena Tahun Ayam tahun ini menurut kalendar Cina. Pameran mesra keluarga itu membawa pengunjung mempelajari tentang sejarah ayam dari zaman prasejarah. Ia turut mempamerkan lebih 200 setem dari seawal 1962. - Foto SINGAPORE PHILATELIC MUSEUM

ari hingga 25 Jun itu membawa pengunjung melihat sejarah ayam dari zaman prasejarah hingga hari ini.

Diberi nama *Chicken & Egg: A Fowl Tale*, pameran tersebut turut mempamerkan 200 setem dari seawal 1962.

Ia juga menentang setem ayam jantan terkini dari Singapura dan Kepulauan Aland.

Pengurus Besar SPM, Cik Tresnawati Prihadi, berkata:

"Melalui setem dan pameran menarik lain, keluarga dapat mempelajari fakta menarik tentang ayam dan telur yang digunakan dalam pelbagai bentuk dan budaya.

"Telur juga merupakan simbol kesuburan dalam budaya tempatan, sama

AYAM & TELUR: SEBUAH KISAH

Tempat: Muzium Filatelik Singapura, 23-B Coleman Street, Singapura 179807

Tarikh: 20 Januari hingga 25 Jun 2017

Waktu pembukaan: Isnin hingga Ahad; 10 pagi hingga 7 malam

Bayaran: Percuma bagi warga dan Penduduk Tetap Singapura

Bayaran dikenakan bagi warga asing: Dewasa - \$8
Kanak-kanak (3-12 tahun) - \$6

Telefon: 6337-3888

Laman web: www.spm.org.sg

ada sebagai bunga telur di majlis perkahwinan Melayu atau sebagai telur merah semasa sambutan bayi yang berumur satu bulan dalam kalangan masyarakat Cina.

"Kami berharap pengunjung berpeluang mengetahui lebih lanjut tentang tradisi tempatan dan antarabangsa di pameran ini."

Mereka yang berminat boleh mengunjungi pameran tersebut di SPM di Coleman Street.

Pameran dibuka setiap hari dari 10 pagi hingga 7 malam.

Tiada bayaran dikenakan bagi warga dan penduduk tetap Singapura. Warga asing dikenakan bayaran masuk.